

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1987/88

STU241 - Perkembangan Manusia dan Sahsia

Tarikh: 1 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi.  
( 2 jam )

Jawab EMPAT soalan sahaja. SEMUA soalan MESTI dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. Walaupun 'sahsia' seseorang individu itu mempunyai ciri-ciri yang unik, masih terdapat banyak persamaan di antara individu yang membolehkan kita membuat perbandingan dan penyeluruhan. Nyatakan aspek-aspek utama yang perlu difahami di dalam usaha memahami apa yang dimaksudkan dengan konsep 'sahsia'.
2. Apakah aspek-aspek yang perlu dititikberatkan oleh ibubapa untuk menentukan bahawa anak mereka yang berada di peringkat bayi atau awal kanak-kanak akan berkembang dengan sihat dan normal dari segi fizikal dan mental?
3. Seseorang yang melalui peringkat awal remaja lazimnya mengalami perubahan yang rancak serta menghadapi masalah-masalah yang tertentu. Bandingkan perbezaan dan persamaan yang biasanya dialami oleh seorang kanak-kanak lelaki dan seorang kanak-kanak perempuan yang sedang berada di dalam alam awal remaja.
4. Terdapat beberapa perbezaan yang penting di antara peringkat awal dan pertengahan dewasa. Apakah perbezaan-perbezaan ini dan apakah kesannya ke atas perkembangan seseorang individu dari segi fizika, kognitif, sosial dan emosi?
5. Apakah persediaan yang perlu dilakukan untuk menentukan seseorang yang berada di peringkat tua (akhir dewasa) masih dapat mengalami kehidupan yang bermakna dan produktif di dalam masyarakat?
6. Apakah peringkat-peringkat putaran seumur hidup seorang individu dan apakah ciri-ciri dan isu-isu utama yang dialami pada setiap peringkat?

...2/-

(STU 241)

7. Kelompok setara memainkan peranan yang penting di dalam peringkat pertengahan kanak-kanak. Apakah kesan-kesan positif dan negatif yang mungkin timbul daripada pengaruh kelompok setara ke atas kanak-kanak di peringkat ini?
8. Apakah jenis gangguan-gangguan kepada perkembangan fizikal seorang fetus/bayi semasa ia di dalam rahim, semasa dan selepas ia telah dilahirkan, yang boleh mendatangkan kesan negatif seperti penyakit, kecacatan dan kematian?

- oo o0o oo -